

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Abu Bakar bin Tambi,

Alor Gajah, Melaka, bertanya:

Bila masa puasa itu boleh
dibayar dengan fidyah?

Adakah sembahyang juga boleh
diganti dengan fidyah?

Jawab:

Untuk mengetahui lebih jelas,
siapakah orang-orang Islam yang
diharuskan oleh syara' membayar
fidyah puasa itu, maka marilah kita
meninjau ke lembaran kitab suci
al-Qur'an dan juga ke kitab hadis
Nabawi:

1. Di dalam surah al-Baqarah ayat
(184) Tuhan ada berfirman:
*(wa 'alā al-ladhīna yuḥiqūnahu fidiyatun
ta'āmu miskīn).* Ertinya:
"Dan orang-orang yang boleh
berpuasa tetapi dengan susah
payah – kalau ia tidak
berpuasa - wajiblah di atasnya
membayar fidyah - iaitu memberi
makan orang miskin pada
hari-hari yang ia tidak
berpuasa itu - (anggaran
fidyah yang telah ditetapkan oleh
para 'ulama' fiqh ialah satu
mad (satu cupak) beras.
2. Di dalam suatu Hadith yang
diriwayatkan oleh al-Bukhari:
(An ibnu 'Abbas qāla: hiya

*Lil-shaykh al-kabīr wa al-mar'ah al-kabīrah
walā yastaḥī'ānī an yaṣūmā
fayuḥ'imāni makān kullu yawmin
miskīnān)* Ertinya: Bahawasanya
Ibnu Abbas telah berkata: Ayat
*(wa 'alā al-ladhīna yuḥiqūnahu fidiyatun
ta'āmu miskīn)* untuk orang
lelaki yang sangat tua dan orang
perempuan yang sangat tua yang
tidak berkuasa lagi
berpuasa, maka wajiblah di atas
mereka memberi makan seseorang
miskin ganti bagi tiap-tiap
sehari (yang mereka tidak
berpuasa).

3. Di dalam suatu hadith yang
lain pula yang diriwayatkan
oleh Abu Daud: *"an Ibnu
'Abbas qāla . . . wa al-ḥablā
wa al-murḍī' idhā khāfatān aḥtārā
wa'ittā'amatā).* Ertinya : " Bahawasanya
ibnu Abbas telah berkata: . . .
dan perempuan yang mengandung
dan yang menyusukan anak itu
apabila keduanya takut
(kebinasaan), boleh mereka
tidak berpuasa, tetapi wajib
bagi keduanya memberi makan
(orang miskin).

Kesimpulan:

Dengan keterangan-keterangan yang dapat kita
petik dari ayat al-Qur'an dan dua
hadith Nabi yang lalu bolehlah kita
mengambil kesimpulan bahawa orang-orang

yang diharuskan oleh syara'
membayar fidyah puasa itu ialah:

1. Orang-orang yang boleh berpuasa tetapi
dengan susah payah, seperti
orang yang sangat tua, sama ada
lelaki atau perempuan.
2. Perempuan yang mengandung atau
perempuan yang menyusui anak
apabila mereka takut jatuh
sakit atau takut memudaratkan anak
yang berada di dalam kandungan atau
pun anak yang disusukan itu.
3. Orang-orang yang sentiasa sakit
dan penyakit mereka itu tidak ada
harapan akan sembuh.
4. Orang-orang yang memang menurut tabiat
(kebiasaannya) apabila ia berpuasa
sahaja jatuh sakit.

Inilah empat jenis orang yang
diharuskan oleh syara' berbuka
puasa dengan diwajibkan di atas mereka
membayar fidyah.

Ada pun dari hal fidyah
sembahyang tidak ada dijumpai nas-nas
dari al-Qur'an atau pun hadis Nabi,
dan tidak ada pula dijumpai di dalam
kitab imam-imam mujtahidin membolehkannya.
Kerana sembahyang itu adalah suatu
ibadat yang wajib mesti dikerjakan
oleh tiap-tiap seorang Islam yang telah
aqil baligh meskipun orang itu dalam
sakit tenat. Kerana hukum-hukum mengerjakan
sembahyang itu ada mempunyai beberapa
rukun dan syarat-syarat yang tertentu.
Kalau ia tidak kuasa sembahyang
berdiri, maka ia boleh sembahyang
duduk, baring sehingga dengan isyarat
mata sekalipun. Kecuali perempuan-perempuan
yang dalam haid, nifas dan wiladah,
demikian juga orang-orang mabuk dan

gila oleh itu soal fidyah
sembahyang ini tidak guna kita
bahaskan dengan panjang lebar.

* * *

Sulaiman Abas,

Parit Buntar Perak, bertanya:

**Bolehkah kita bawa sembahyang
pakaian yang diseterika oleh tukang dobi
Cina sedang kita ketahui cara
orang-orang Cina mensterika pakaian itu
dengan menyemburkan air dari mulutnya?**

Jawab:

Tidak ada satu keterangan pun yang
kita jumpai dari al-Qur‘ān atau
hadis yang mengatakan bahawa mulut atau
air liur orang-orang kafir itu adalah
najis, walaupun ia memakan
babi.

Oleh sebab itu sudah tentu
pakaian yang diseterika oleh tukang-tukang
dobi Cina dengan menggunakan semburan
air dari mulutnya itu tidak najis
dan boleh dibawa sembahyang. Tetapi kalau
saudara merasa geli atau jijik,
maka itu adalah perkara lain.

* * *

Muhammad Yasin,

Bandar Baharu, Kedah, bertanya:

**Anak zina yang soleh itu dapatkah
ia mencapai kebahagiaan hidup
di alam akhirat nanti?**

Jawab:

Di dalam surah al-Najm Tuhan ada
berfirman: *(alā tazīru wazīratun wizrā
ukhrā)*. Artinya: “satu jiwa tidak
akan memikul dosa satu jiwa yang
lain.”

Yang berzina itu ialah ibu bapanya,
dan dosa berzina itu ditanggung oleh
orang-orang yang mengerjakan zina itu
sendiri. Si anak zina itu tidak
kena mengena dengan dosa zina yang dilakukan
oleh kedua ibu bapanya.

Jadi setiap anak zina itu kalau
ia beramal dengan amalan yang soleh
di sepanjang hidupnya, maka sudah tentu
ia akan diberi pembalasan yang baik
oleh Tuhan di dalam akhirat kelak.

Berhubung dengan ini di dalam surah
Alī-Imrān ayat (194)¹ Tuhan ada
berfirman: *(innī lā uḏī‘u ‘amala ‘āmilin
minkum dhakarīn wa unthā)* artinya:
“Sesungguhnya aku tidak mensesiakan
akan amalan seseorang yang beramal
dari antara kamu, laki-laki atau
perempuan”

“Maklumat Qalam Bahagian Tabligh”

Pengetua Qalam bahagian tabligh telah pulang ke tanah air setelah beliau berada di luar negeri beberapa bulan.

Kerana itu syarahan-syarahan yang disertakan dengan gambar slaid akan diberikan semula- buat sementara ini - atas
mawḍu’ seperti berikut:

1. Sejarah Nabi (Mawlid Nabi (s.a.w)
2. Mengenai Haji
3. Mengenai Tanah Suci Palestin
4. Mengenai Lawatan ke negara Turki

Sesiapa yang ingin untuk mengadakan syarahan-syarahan mengenai mawḍu’ di atas silalah
berhubung dengan alamat di bawah. Tidak ada dikenakan sebarang bayaran sekali pun untuk tambang. Yang perlunya
menyiapkan tempat; dan jika tempat yang perlu kepada izin pihak yang berkuasa, maka mintalah keizinan itu terlebih
dahulu.

Qalam Bahagian Tabligh

356, Geylang Road, Singapura 14

Telefon 81114

¹ Sebenarnya ayat 195